

PANDANGAN HUKUM PENGGUNAAN FACEAPP: SATU TINJAUAN DI MALAYSIA

Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail
abdulhakim@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penggunaan aplikasi FaceApp membolehkan pengguna melakukan modifikasi pada foto wajah seseorang dengan pelbagai variasi, sama ada untuk menampakkan foto mereka lebih tua, lebih muda atau jantina berlawanan. Secara amnya, penggunaan aplikasi ini adalah untuk tujuan hiburan atau ada kalanya sebagai ejekan. Penularan penggunaan aplikasi ini menimbulkan persoalan hukum penggunaannya dan telah mendapat respon daripada golongan agamawan dan institusi fatwa di Malaysia. Analisis dilakukan terhadap jawapan hukum oleh agamawan dan institusi fatwa di Malaysia, disamping pandangan individu mahupun pihak tertentu di luar daripada Malaysia dijadikan rujukan dan perbandingan. Umumnya, penggunaan aplikasi ini dihukumkan sebagai haram dengan mengaitkan pengharaman mengubah ciptaan Allah S.W.T seperti dalam Surah An-Nisa' ayat 119 dan Surah Ar-Rum ayat 30. Begitu juga dengan hadis Nabi SAW yang melarang lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya. Namun begitu, hukum haram yang dinyatakan tidak disandarkan kepada dalil-dalil tersebut secara langsung tetapi ia dikaitkan dengan elemen-elemen lain yang berkemungkinan wujud atau implikasinya hasil penggunaan aplikasi ini.

Kata kunci: FaceApp, Fatwa, Jawapan Hukum, Aplikasi Peranti Pintar

PENDAHULUAN

Pemilikan sebuah telefon pintar bagi setiap individu menjadi satu kemestian pada hari ini. Fungsinya yang pelbagai guna menjadikan ia satu alatan yang diperlukan oleh segenap lapisan umur masyarakat. Penggunaannya bermula daripada kanak-kanak sekolah yang boleh menggunakan untuk tujuan pembelajaran dan hiburan, sehingga orang dewasa yang menyelesaikan tugas kerja dan urusan sehari-hari dengan telefon pintar. Begitu juga peranannya dalam membantu orang kelainan upaya dan warga emas dalam urusan kehidupan. Pastinya keupayaan yang ada pada telefon pintar akan terus dipertingkatkan oleh pengeluar-pengeluar peranti ini sekaligus menambahkan fungsi dan peranan kepada kehidupan manusia.

Penggunaan telefon pintar yang berkembang pada hari ini telah mengalakkkan penghasilan aplikasi telefon yang pelbagai. Aplikasi yang dihasilkan sama ada berfungsi membantu pengguna dalam urusan kerja atau kehidupan sehari-hari mahupun sebagai satu hiburan semata-mata. Salah satu aplikasi yang menjadi sebutan ramai dan pernah menggemparkan masyarakat maya di Malaysia dan seluruh dunia adalah aplikasi FaceApp. Biarpun aplikasi ini telah dilancarkan sejak

2017, tetapi ia mula menjadi bualan hangat dan tular penggunaannya oleh masyarakat Malaysia sekitar bulan Jun 2020. Beberapa ciri yang wujud pada aplikasi telah menimbulkan kontroversi terutamanya melibatkan hukum. Antaranya adalah tetapan yang membolehkan foto wajah diubah kepada jantina berlawanan dan kepada usia yang lebih muda atau lebih tua.

Justeru itu, situasi ini telah mendapat respon dan pandangan hukum oleh ramai agamawan di Malaysia juga Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Isu ini tidak kurang juga diperkatakan oleh masyarakat Islam di negara-negara lain seperti di Indonesia dan negara-negara Arab. Rata-rata umat Islam melahirkan rasa bimbang terhadap perkembangan ini khususnya suntingan foto wajah kepada wanita berlawanan. Manakala kebanyakan agamawan memberikan pandangan bahawa aplikasi haram digunakan dan menasihatkan masyarakat supaya menghentikan hiburan yang dilihat menyalahi adab dan budaya umat Islam ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami fungsi aplikasi telefon FaceApp dan pandangan hukumnya oleh pihak berkaitan. Carian maklumat terhadap kedua-dua elemen utama dalam kajian ini dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan carian Google. Disamping itu, rujukan dilakukan terhadap sumber-sumber bercetak lain seperti buku dan artikel yang berkaitan dengan konsep-konsep yang dibincangkan. Akhirnya, analisis dijalankan terhadap maklumat yang diperolehi untuk melihat kecenderungan pandangan hukum serta hujah yang digunakan dalam menentukan hukum penggunaan aplikasi ini.

Aplikasi FaceApp

FaceApp merupakan satu aplikasi pada telefon pintar khususnya kepada pengguna IOS dan Android untuk melakukan ubah suai pada foto dan video. Aplikasi ini dibina oleh Syarikat Wireless Lab yang berpengkalan di Rusia dan mula dilancarkan kepada pengguna telefon pintar pada awal tahun 2017 walaupun ia telah diperkenalkan setahun sebelum itu. Selepas itu ia dinaik taraf dengan penambahan ciri dan fungsi (Stark, 2017). Tarikan utama aplikasi ini kepada penggunanya adalah kemampuan mengubah foto seseorang untuk kelihatan lebih muda, tua atau jantina berlawanan. Oleh kerana itu, aplikasi ini dikatakan diminati oleh golongan *transgender* kerana ia boleh memberikan simulasi perubahan wajah mereka sebelum mereka mengubah wajah mereka yang sebenar.

Perkembangan teknologi dalam kecerdasan buatan atau artificial intelligence (AI) merupakan asas kepada penghasilan aplikasi sebegini. Penggunaan *neural network* algoritma membolehkan komputer mengenali corak sesuatu data yang diberikan. Ia umpama anak kecil yang akan belajar sedikit demi sedikit berdasarkan input data yang diperolehi. Aplikasi FaceApp ini dikatakan hanya menggunakan sumber terbuka kecerdasan buatan bagi memproses data daripada

foto yang dikongsikan oleh pengguna. Daripada corak yang diperolehi selepas data diproses, foto itu dapat diubahsuai mengikut citarasa pengguna dengan diekstrak ciri-ciri yang ada pada foto asal (Aryan, 2019).

Aplikasi ini sememangnya mendapat sambutan yang hangat oleh pengguna telefon pintar. Ia telah dimuat turun melebihi daripada 100 juta pengguna dan mendapat lebih 3 juta ulasan serta penilaian yang menggalakkan di platform *play store*. Pada aspek fungsi pula, ianya telah menjadi satu bahan hiburan kepada pengguna kerana boleh diubah foto wajah sendiri atau orang lain, kemudian ditularkan sebagai bahan jenaka. Tetapi hakikatnya aplikasi tersebut mempunyai peranan lebih daripada sekadar hiburan kerana ia juga membantu dalam asas suntingan dan grafik. Ciri-ciri yang ada pada aplikasi ini menjadikan siapa sahaja boleh melakukan suntingan pada fotonya dengan hanya satu tetapan sahaja mengikut pilihan-pilihan yang telah disediakan.

Oleh itu, FaceApp merupakan satu aplikasi yang telah digunakan secara meluas oleh pengguna telefon pintar di seluruh dunia. Penggunaan AI yang memerlukan teknologi terkini telah menjadikan penggunaan aplikasi ini lebih mudah dan hasil suntingan foto kelihatan lebih realistik. Di samping itu, beberapa elemen hiburan yang dimasukkan seperti suntingan foto kepada jantina berlainan menjadikan aplikasi ini diminati oleh para pengguna.

Pandangan Hukum Penggunaan FaceApp

Antara pihak yang telah memberikan pandangan hukum tentang isu ini adalah sebuah institusi fatwa yang prolifik dalam memberikan pandangan hukum tentang isu-isu semasa di negara ini iaitu Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Pandangan yang dipilih adalah dilarang (haram) dengan alasan aplikasi ini seolah-olah menggalakkan pengubahan ciptaan Allah SWT walaupun suntingan yang dilakukan adalah pada foto bukan pada wajah yang sebenar. Selain itu, ia boleh mengelirukan identiti seseorang terutamanya pilihan yang boleh merubah foto wajah kepada jantina yang berlainan. Ia juga boleh menjatuhkan maruah atau mengaibkan pemilik foto tersebut. Disamping itu, tetapan lain pada foto seperti suntingan untuk kelihatan lebih muda atau lebih tua menggalakkan kepada penipuan terhadap fitrah kejadian asal manusia (Pejabat Mufti Wilayah, 2020).

Tidak kurang juga pandangan oleh beberapa agamawan yang telah memberikan maklum balas berkenaan penggunaan aplikasi ini. Antaranya adalah Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Bin Mohd Kashim yang mengaitkan penggunaan aplikasi ini dengan pengharaman lelaki yang merubah penampilannya kepada wanita atau dikenali ‘mak nyah’. Aplikasi boleh menyebabkan umat Islam lalai tentang pengharaman tersebut kerana melihat ia hanya sebagai satu hiburan (Nurulfatiha, 2020). Seorang pendakwah lain yang dikenali sebagai Dr Nur Mohammad Hadi telah memberikan fokus sama dalam isu ini iaitu berkaitan merubah foto wajah kepada jantina berlawanan. Perbuatan ini adalah diharamkan oleh syarak dan menjatuhkan maruah seseorang (ALHIJRAH, 2020).

Syed Bakri Al-Yahya yang juga dikenali sebagai PU Syed telah membuat satu hantaran pada akaun instagram beliau pada 19 Jun 2020 dalam memberikan pandangan berkaitan FaceApp. Beliau mengingatkan umat Islam tentang ancaman lakin Rasulullah SAW terhadap lelaki yang menyerupai wanita dan begitu juga sebaliknya. Juga beliau mengingatkan supaya tidak terpengaruh dengan permainan dan gaya hidup orang kafir yang tidak menghiraukan soal halal dan haram (Al-Yahya, 2020). Seorang pendakwah selebriti iaitu Abu Sufyan atau PU Abu telah menghasilkan satu video dan menjelaskan hukum menukar foto wajah dengan aplikasi FaceApp adalah haram dan meminta masyarakat menghentikan perbuatan tersebut (Mayudin, 2020).

Seorang lagi pendakwah yang terkenal di tanah air iaitu Ustaz Azhar Idrus (2019) juga telah menjawab satu persoalan berkenaan penggunaan aplikasi ini. Beliau memberikan contoh suntingan foto kepada wajah yang lebih tua dan memberikan hukum berdasarkan niat perlakuan tersebut. Jika tujuannya adalah untuk menginsafkan diri maka ia adalah harus. Tetapi jika suntingan dilakukan pada foto seseorang dan tujuannya adalah untuk mengejeknya maka perbuatan tersebut adalah haram.

Berdasarkan pandangan dan ulasan hukum penggunaan aplikasi FaceApp di atas, kebanyakannya menyatakan bahawa ia adalah haram untuk digunakan dan meminta supaya penggunaan aplikasi perlu dihentikan oleh masyarakat. Alasan utama bagi pandangan yang mengharamkan penggunaan aplikasi adalah pengharaman mengubah ciptaan Allah SWT, terutamanya melibatkan mengubah rupa bentuk atau wajah kepada jantina yang berlawanan. Tegahan ini jelas dinyatakan dalam dalil-dalil Al-Quran dan Hadis. Namun begitu, bagi Ustaz Azhar Idrus, beliau tidak mengkhususkan hukum haram bagi penggunaan aplikasi ini, tetapi ia kembali kepada niat seseorang.

Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT Dan Tasyabhu

Dalam membincangkan tentang konsep larangan mengubah ciptaan Allah SWT, dalil yang seringkali dijadikan panduan adalah firman Allah dalam Surah An-Nisa': 119.

وَلَاٰضْلَنُهُمْ وَلَاٰمُنِيَّنُهُمْ وَلَاٰمُرَّهُمْ فَلَيُبَيِّنُنَّ آذَانَ الْأَعْنَامِ وَلَاٰمُرَّهُمْ حَلْقَ اللَّهِ وَمَن يَتَّخِذُ الشَّيْطَانَ
وَلِيَّا مَنْ دُونَ اللَّهِ فَقَدْ حَسِرَ حُسْرَانًا مُّبِينًا

Maksudnya:

(Syaitan berkata): “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan anangan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang ternak), lalu mereka membela telinga binatang itu, dan aku menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah SWT”. Dan (ingatlah), sesiapa yang

mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah SWT, maka sesungguhnya rugilah dia dengan kerugian yang terang nyata.

Ayat di atas menjelaskan beberapa bentuk tipu daya syaitan ke atas manusia untuk menyesatkan mereka daripada menjadi hamba yang taat dan diredhai Allah. Syaitan bersumpah bahawa mereka akan:-

- i. menghasut manusia supaya menjadikan mereka sebagai pemimpin.
- ii. menyesatkan manusia pada pengetahuan dan perbuatan.
- iii. memberikan angan-angan kosong.
- iv. menyuruh mereka memotong telinga binatang seperti yang dilakukan oleh Arab Jahiliah.
- v. menyuruh manusia mengubah ciptaan Allah SWT (Mohammad Naqib Bin Hamdan et al, 2016).

Terdapat beberapa pandangan para ulama tafsir dalam menjelaskan maksud mengubah ciptaan Allah SWT pada ayat ini. Antaranya adalah perlakuan syirik kepada Allah Taala, mengubah agama Islam, mengubah perintah dan laranganNya dan mengubah sesuatu kejadian Allah Taala secara fizikal sama ada pada manusia mahupun makhluk lain seperti mengukir tatu pada badan atau mengkasi haiwan. Maka keseluruhan pandangan para ulama terhadap ayat ini boleh dirumuskan sebagai perbuatan mengubah ciptaan Allah Taala pada fizikal dan juga spiritual sebagaimana pandangan oleh Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah (Muhammad Naqib Bin Hamdan & Mohd Anuar Bin Ramli, 2015).

Terdapat juga larangan dalam hadis Nabi SAW terhadap perbuatan-perbuatan yang membawa pengubahan ciptaan Allah SWT, antaranya adalah:-

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ لَعْنَ اللَّهِ الْوَاثِمَاتُ وَالْمُسْتَوْثِمَاتُ وَالنَّامِصَاتُ وَالْمُتَنْمِصَاتُ وَالْمُتَفْلِجَاتُ لِلْحَسْنِ الْمُغَيْرَاتِ

خَلْقُ اللَّهِ... .

Maksudnya:

Allah SWT melaknat perempuan pencacah tatu dan perempuan yang meminta dicacahkan tatu, perempuan pencukur bulu kening, perempuan yang meminta dicukurkan untuknya dan perempuan yang menjarakkan gigi, mereka melakukannya kerana ingin mencantikkan diri dan mengubah ciptaan Allah SWT...

(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Larangan pada perbuatan-perbuatan dalam hadis di atas adalah kerana ia adalah perlakuan yang melampau dalam berhias diri dan menipu pandangan orang ramai terhadap diri seseorang. Perbuatan bertatu dan mencukur bulu kening contohnya akan menjadikan tubuh badan menjadi hodoh dan akhirnya merosakkan ciptaan Allah Taala. Orang yang melakukan perkara ini bukan

hanya mendapat lakan Allah atas perbuatannya bahkan melakukan pembaziran harta apabila menghabiskan wang yang banyak untuk perkara yang sia-sia (Al-Qardhawi, 2011).

Diantara etika berpakaian dan berhias dalam Islam sama ada bagi lelaki mahu pun perempuan adalah dilarang daripada menyerupai jantina yang berlawanan. Perkara ini dijelaskan dalam hadis berikut:-

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya:

Rasulullah SAW melaknat lelaki-lelaki yang menyerupai wanita dan wanita-wanita yang menyerupai lelaki.

(Riwayat Al-Bukhari)

Perbuatan *tasyabbuh* ini melanggar fitrah kejadian asal manusia dan secara tidak langsung ia termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Firman Allah Taala:

فَطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

Maksudnya:

Tetaplah atas fitrah Allah yang telah menciptakan manusia atas fitrah itu, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada penciptaan (fitrah) Allah itu.

Surah al-Rum (30)

Prinsip Menutup Pintu Kerosakan (*Sad al-Zarai'*)

Salah satu sumber dalil yang diperselisihkan oleh para ulama usul fiqh adalah *sad al-zarai'*. Dalil ini diterima oleh ulama Malikiyyah dan Hanabilah sebagai satu prinsip dalam menutup pintu atau wasilah kerosakan dan kemudaratian. Prinsip ini mempunyai persamaan dengan prinsip maslahah mursalah kerana nas-nas syarak secara asasnya menuntut kepada pemeliharaan maslahah yang umum dan menghindari kerosakan yang umum. Justeru itu, penggunaan kedua-dua prinsip ini pada perkara yang tidak terdapat nas yang khusus sebagai sumber hukum tetapi pertimbangan antara kemaslahatan dan kerosakan menjadi asas pertimbangan kepada para fuqahak (Al-Zuhaily, 1986).

Sesuatu perbuatan yang boleh membawa kepada kerosakan terbahagi kepada perkara yang haram atau harus pada zatnya. Bagi perkara yang haram pada zatnya, perbincangannya tidak termasuk dalam perbincangan *sad al-zarai'* kerana asal pengharamannya seperti perbuatan meminum arak yang boleh membawa kepada kerosakan akal. Manakala perbuatan harus pada asalnya, terbahagi kepada tiga, iaitu:-

- i. Perbuatan harus yang jarang sekali boleh membawa kepada kerosakan, maka kemaslahatan lebih kuat daripada kerosakan seperti menanam anggur.
- ii. Perbuatan harus yang cenderung membawa kepada kerosakan, maka kerosakan lebih kuat daripada kemaslahatan seperti menjual senjata pada waktu fitnah permusuhan.
- iii. Perbuatan harus yang dilakukan untuk tujuan kerosakan, maka ia sama seperti jenis kedua seperti jual beli yang dilakukan untuk tujuan transaksi riba.

Bagi jenis yang pertama, tidak boleh dihalang perbuatannya atas alasan kerosakan yang mungkin berlaku kerana kemungkinannya adalah kecil berbanding kemaslahatan. Manakala bagi jenis yang kedua dan ketiga, ia perlu ditegah kerana perbuatan itu biarpun pada zatnya adalah harus tetapi matlamat dan implikasinya adalah kerosakan (Zaidan, 1976).

DAPATAN KAJIAN

FaceApp merupakan satu aplikasi telefon pintar yang mempunyai fungsi khusus berkaitan suntingan foto. Elemen kecerdasan buatan dan pelbagai pilihan tetapan yang wujud pada aplikasi ini menjadikan ia satu pilihan dikalangan para pengguna. Biarpun pilihan suntingan foto kepada jantina berlawanan, usia yang lebih muda atau lebih tua menjadi satu hiburan kepada pengguna, masih terdapat fungsi-fungsi lain yang membantu dalam proses suntingan foto. Maka hukum penggunaan aplikasi ini perlu dibincangkan secara adil dengan melihat kepada pelbagai aspek sebagaimana kaedah yang dinyatakan oleh para ulama “hukum ke atas sesuatu adalah cabang bagi gambaran keseluruhannya”.

Mengikut kaedah fekah, hukum asal bagi sesuatu adalah harus sehingga terdapat dalil yang menyatakan sebaliknya. Dalam membincangkan hukum penggunaan aplikasi ini, pandangan oleh pihak yang telah dibincangkan sebelum ini kebanyakannya merujuk kepada pengharaman mengubah ciptaan Allah SWT dan penyerupaan antara lelaki dengan perempuan dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, penggunaan aplikasi ini tidak dapat dikaitkan secara lansung dengan dalil-dalil tersebut kerana ia hanya melibatkan suntingan pada foto wajah bukan pada fizikal yang sebenar. Sedangkan larangan mengukir tatu pada badan, mencukur bulu kening dan lain-lain dalam hadis Nabi SAW merujuk kepada perbuatan pada fizikal yang sebenar. Begitu juga kefahaman terhadap larangan mengubah ciptaan Allah SWT dan penyerupaan dengan jantina yang berlawanan adalah pada fizikal dan bukan pada foto.

Namun begitu, hukum haram yang dipilih oleh kebanyakan pihak adalah dengan mengambil kira prinsip *sad al-zarai'* iaitu menutup pintu kerosakan daripada berlaku. Contohnya, suntingan wajah dengan jantina yang berlawanan boleh menggalakkan amalan transgender kerana terdapat sesetengah golongan transgender telah menjadikan aplikasi ini sebagai satu simulasi sebelum mereka melakukan pembedahan untuk mengubah wajah mereka. Selain itu, perbuatan ini boleh menjatuhkan aib dan maruah seseorang. Manakala bagi pengubahan foto wajah kepada lebih

tua atau muda, alasan yang diberikan adalah kemungkinan foto itu digunakan untuk mengelirukan identiti seseorang kepada masyarakat umum.

Untuk menggunakan prinsip *sad al-zara'i* perlulah diambil kira dan dinilai asas utama dalam dalil ini iaitu kemaslahatan dan kerosakan. Memandangkan maksud utama aplikasi prinsip ini adalah untuk menutup pintu kerosakan atau menghalang berlakunya kerosakan hasil perbuatan yang harus, pertimbangan yang berhati-hati dan adil hendaklah dilakukan sebelum hukum ditetapkan. Contohnya, padangan oleh Ustaz Azhar Idrus yang menilai hukum berdasarkan kepada niat kerana masih ada ruang maslahah bagi penggunaan aplikasi ini. Oleh kerana dalil ini juga tidak disepakati oleh para ulama usul kerana sebahagiannya tidak melihat kepada impak sesuatu perkara yang belum pasti bahkan dilihat kepada zat sesuatu perbuatan, maka hukum pada penggunaan aplikasi ini akan terdedah kepada perbezaan pandangan.

KESIMPULAN

Perbahasan hukum dalam ilmu fekah adalah sesuatu yang anjal dan terbuka dalam perkara-perkara cabang dan *zhonni* (tidak tetap). Sesuatu perkara yang dihukumkan harus tidak akan selama-lamanya menjadi harus dan yang haram tidak akan selama-lamanya menjadi haram. Oleh itu, berlapang dada dalam berselisih pendapat adalah penting kerana perbezaan pandangan adalah sesuatu yang diterima dalam kebanyakan permasalahan fekah terutamanya melibatkan isu-isu baru yang timbul dalam masyarakat. Selain itu, penelitian yang betul dan tepat terhadap sumber sesuatu hukum juga adalah amat penting disamping faktor-faktor lain yang mempengaruhi sesuatu jawapan persoalan (fatwa) dikeluarkan kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Al-Qardhawi, Y. B. (2011). *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam (Terjemahan)*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Zaidan, A. K. (1976). *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Baghdad: Muassasah Qurtubah.
- Al-Zuhaily, W. (1986). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Dimasyq: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Naqib Bin Hamdan & Mohd Anuar Bin Ramli. (2015). Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT : Analisis Hukum Pengkulturan Daging. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 81-106.
- Muhammad Naqib Bin Hamdan, Mohd Anuar bin Ramli, Ahmad Ashraf Ilman bin Zulbahri, Amalina binti Mohamed Nordin, Mohd Akram Dahaman@Dahlan. (2016). KONSEP TAGHYIR CIPTAAN ALLAH S.W.T. DALAM RAWATAN KOSMETIK: ANALISIS HUKUM REKONSTRUKSI VAGINA MENURUT PERSPEKTIF FATWA SEMASA. *International Seminar On Fatwa (IsFatwa) 2016*. Seremban: Universiti Sains Islam Malaysia
- ALHIJRAH. (22 Jun, 2020). *PENDAKWAH: PENGGUNAAN 'FACEAPP' HARAM*. Retrieved from ALHIJRAH ONLINE: <https://alhijrahnews.com/pendakwah-penggunaan-faceapp-haram/> (akses pada 1 Oktober 2020)

- Al-Yahya, S. B. (19 Jun, 2020). *Instagram*. Retrieved from https://www.instagram.com/p/CBnfl30JrhD/?utm_source=ig_embed (akses pada 2 Oktober 2020)
- Aryan, H. (19 Julai, 2019). *FaceApp: How Neural Networks can do Wonders*. Retrieved from Noteworthy; The Journal Blog: <https://blog.usejournal.com/faceapp-how-neural-networks-can-do-wonders-c2b83b00da7b> (akses pada 5 Oktober 2020)
- Idrus, U. A. (5 August, 2019). *Ustaz Azhar Idrus Official*. Retrieved from Youtube: <https://www.youtube.com/watch?v=g-dU5XnzZk0> (akses pada 1 Oktober 2020)
- Mayudin, N. A. (23 Jun, 2020). *PU Abu kata aplikasi tukar wajah adalah haram - “Dulu aku dikecam buat TikTok, tapi cabaran tukar jantina ramai pula orang ikut!”*. Retrieved from MStar: <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2020/06/23/pu-abu-kata-aplikasi-tukar-wajah-adalah-haram---dulu-aku-dikecam-buat-tiktok-tapi-cabaran-tukar-jantina-ramai-pula-orang-ikut> (akses pada 1 Oktober 2020)
- Nurulfatiha. (22 Jun, 2020). *Ini hukum ubah wajah berlainan jantina di FaceApp*. Retrieved from Sinarplus: <https://sinarplus.sinarharian.com.my/agama/ini-hukum-ubah-wajah-berlainan-jantina-di-faceapp/> (akses pada 1 Oktober 2020)
- Stark, H. (25 April, 2017). *Introducing FaceApp: The Year Of The Weird Selfies*. Retrieved from Forbes: <https://www.forbes.com/sites/haroldstark/2017/04/25/introducing-faceapp-the-year-of-the-weird-selfies/#a3b575043d29> (akses pada 5 Oktober 2020)
- Wilayah, P. M. (1 JULAI, 2020). *IRSYAD AL-FATWA SIRI KE- 524 : HUKUM MENGUBAH FOTO WAJAH MENGGUNAKAN FACEAPP* . Retrieved from LAWAN WEB RASMI PEJABAT MUFTI WILAYAH: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4550-irsyad-al-fatwa-siri-ke-524-hukum-mengubah-foto-wajah-menggunakan-faceapp> (akses pada 1 Oktober 2020)